

# BN terbuka untuk semua

3M 11 OCT 1981

KUALA LUMPUR, Sabtu — Presiden UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan pintu Barisan Nasional (BN) sentiasa terbuka kepada semua pihak yang menerima konsep dan prinsip perjuangannya, dan ia tidak terhad kepada PAS sahaja.

Perdana Menteri, merangkap Pengerusi BN berkata, "sesiapa" sahaja yang menerima konsep perjuangan BN boleh memohon menyertainya dan "kami bersedia menimbangkannya".

Bagaimanapun, jelasnya, BN tidak akan mengorak langkah pertama dalam perkara ini.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT)

## Soal kemasukan semula PAS ke dalam BN adalah menjadi tanggungjawab Majlis Tertinggi BN untuk menimbangkannya...bukannya UMNO

Oleh  
**BUSTAMAM  
AHMAD**

UMNO, tiga jam, di Ibupejabat UMNO di sini, beliau berkata:

"BN tidak perlu mengambil langkah pertama kerana sesiapa sahaja yang menerima prinsip perjuangannya layak ditimbangkan permohonannya untuk menyertainya.

"Pintu BN sentiasa terbuka, bukan sahaja kepada PAS tetapi semua pihak yang menerima konsep perjuangan kami."

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, sekiranya PAS menerima konsep perjuangan BN, ia boleh membuat permohonan dan Majlis Tertinggi BN boleh membincangkannya secara mendalam.

Beliau selanjutnya membayangkan PAS tidak perlu 'bimbang' terhadap UMNO kerana soal kemasukannya semula ke dalam BN adalah "tanggungjawab

BN dan bukannya UMNO untuk membincangkannya."

Ini adalah komen pertama dari "peringkat paling atas" dalam BN dan juga UMNO mengenai kenyataan Timbalan Menteri Pencerangan merangkap Ketua Pencerangan UMNO, Datuk Haji Embong Yahya baru-baru ini.

Menurut Datuk Embong, PAS boleh diterima menyertainya semula BN dengan syarat ia mem-bertamatkan perbuatan mengkafirkan setengah-setengah pemimpin tertinggi UMNO.

Perdana Menteri menambah, soal kemasukan semula PAS ke dalam BN adalah menjadi tanggungjawab Majlis Tertinggi BN untuk menimbangkannya.

"Dalam hubungan ini, soal untuk menimbangkannya, jika PAS memohon adalah tanggungjawab Majlis Tertinggi BN dan bukannya UMNO," tegasnya.

Beliau, bagaimanapun, tidak mengulas lebih lanjut mengenai perkara ini.

Mengenai mesyuarat MT yang dipengeruskannya, Datuk Seri Dr. Mahathir menambah ia adalah mesyuarat biasa dan tidak menyentuh "perkara-perkara luar biasa".

Jelasnya, mesyuarat itu membincangkan antara lain langkah pengawasan oleh berbagai Bahagian UMNO mengenai sebarang kegiatan kebajikan dan sosial anjuran semua Cawangan UMNO di seluruh negara.

"Kami memberi tumpuan terhadap kegiatan sosial yang melibatkan kutipan derma dari

orang ramai. Ini bertujuan menjaga nama baik UMNO serta mengelakkan sebarang kekeliruan," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, semua Cawangan UMNO diarah mematuhi segala syarat dalam surat pekeliling Ibupejabat UMNO mengenai perkara itu.

Surat pekeliling, yang ditandatangani oleh Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Haji Mustapha Jabar mensyaratkan semua Cawangan UMNO memohon kebenaran dari peringkat Bahagian sebelum ia menganjurkan sesuatu kegiatan kebajikan dan sosial.

"Arahan itu amat mudah serta ringkas dan setiap orang patut memahaminya," jelas Datuk Seri Dr. Mahathir.